



WARGA kota berkunjung ke Bazar Aidilfitri Lorong TAR bagi membeli kelengkapan Hari Raya Aidilfitri.

BAZAR RAYA TAR: SAMBUTAN TAHUN INI KURANG HEBAT

HUJUNG MINGGU JUALAN MENINGKAT!

Oleh Amir Abd Hamid
amir_hamid@mediapri-
ma.com.my

Kuala Lumpur

Bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR) kekal menjadi tumpuan orang ramai menjelang Syawal namun peniaga mengakui sambutan tahun ini tidak sehebat dahulu terutama pada hari biasa.

Peniaga pakaian, Norma Mohd Anuar, 38, berkata jualan agak perlahan dari Isnin hingga Khamis, tetapi meningkat pada hujung minggu.

"Biasanya, pagi Jumaat orang yang bekerja di sekitar sini akan keluar membeli sebelum masuk pejabat. Malam pula memang padat, tetapi separuh daripada mereka hanya melihat-lihat tanpa membeli.

"Namun, jualan masih boleh balik modal terutama dengan kehadiran pelanggan dari Sabah, Sarawak dan Brunei," katanya yang sudah sembilan tahun berniaga di bazar.

Norma yang menetap di Segambut berkata, sistem terbaru di bawah penguasaan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) lebih teratur dengan kadar sewa RM700 dan deposit RM2,000 yang akan dipulangkan jika tiada masalah.

"Dari segi perniagaan dalam talian, saya ada buat juga tetapi hanya sebagai sokongan. Sukar nak bersaing dengan peniaga besar secara online kerana harga mereka jauh lebih rendah yang kadang-kadang tidak masuk akal untuk kita

tawarkan.

"Lagipun, sebenarnya ramai pelanggan masih lebih puas membeli secara fizikal kerana boleh melihat sendiri saiz dan warna pakaian. Ngam boleh dicuba depan mata," katanya ketika ditemui semasa tinjauan Harian Metro.

Sementara itu, peniaga kuih raya, Fatin Farhanah Ahmad Jamili, 31, berkata perniagaan tahun ini lebih perlahan berbanding tahun lalu terutama pada awal Ramadan.

"Saya sudah 14 tahun berniaga di sini dan menjual lebih 10 jenis kuih raya buatan sendiri. Jika dibandingkan tahun lepas, hasil jualan tahun ini lebih rendah kerana tapak niaga lebih kecil dan susun atur bazar kurang mesra pengunjung.

"Namun, men-

jelang penghujung Ramadan, jualan semakin baik. Berbanding pakaian raya, biskut dan kuih raya masih mempunyai permintaan tinggi kerana ramai lebih suka membelinya secara berdepan daripada membeli dalam talian," katanya.

Fatin berkata, peniaga di bazar itu menanggung kos agak tinggi termasuk bayaran sewa tapak RM2,700 dan elektrik RM450 kepada DBKL, selain deposit RM2,000 yang akan dikembalikan jika tiada masalah.

"Sebab itu kami berniaga sehingga menjelang biasanya 6 pagi raya. Memang sudah biasa menyambut awal pagi Syawal di kedai kerana itu adalah tempoh terakhir untuk 'pulun' jualan," katanya.



NORMA menyusun pakaian yang dijual di Bazar Aidilfitri Lorong TAR.